



PERISAI ROTAN

Perisai rotan ini antara koleksi Ngah Ibrahim yang masih disimpan dalam galeri muzium. Terdiri daripada perisai dan dua bilah senjata tangan untuk tujuan perlindungan diri. Bahan yang digunakan diperbuat daripada rotan dan dihiasi dengan corak bunga belah lapan dibahagian tengah perisai.

RATTAN SHIELD

Rattan shield is among of the Ngah Ibrahim collection that stored in the museum gallery. Consist of shield and two weapons for self-protection purpose. Made of rattan and decorated with eight flower patterns at the center of the shield.



Jabatan Muzium Malaysia,
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur.
Tel. : 03 - 2267 1088 / 1048 / 1049 / 6255 Faks : 03 - 2287 1271

Sila kembalikan risalah ini jika tidak memerlukannya
Please return this leaflet if you have no further use

PETA LOKASI Location Map



PENGANGKUTAN GETTING HERE

Pelawat boleh menggunakan pengangkutan awam dan teksi untuk ke Muzium Matang. Pelawat luar dari negeri Perak boleh menggunakan lebuhraya PLUS Changkat Jering arah selatan dan Kemunting arah Utara untuk berkunjung ke Muzium Matang.

Visitors can use public transport and taxi to the Matang Museum. Visitors from outside the state of Perak can use PLUS highway Changkat Jering southward and Kemunting northward to visit the Matang Museum.



TARIKAN BERHAMPIRAN NEARBY ATTRACTION

- Makam Ngah Ibrahim dan Rumah Kapten T.C.S Speedy
- Hutan Paya Bakau Kuala Sepetang
- Kolam Air Panas Trong, Perak
- Muzium Perak (10km dari Muzium Matang)
- *The tomb of Ngah Ibrahim and the house of Captain TCS. Speedy, a former assistant Resident of Larut can be found within the vicinity*
- *Kuala Sepetang Mangrove Forest*
- *Trong Hot Springs, Perak*
- *Perak Museum (10km from the Matang Museum)*

MUZIUM MATANG

MATANG MUSEUM



HARI DAN MASA LAWATAN VISITING HOURS

9.00 pagi hingga 5.00 petang setiap hari.
Ditutup pada hari pertama Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha.

9am to 5pm daily.
Closed for first day of Eid al-Fitr and Eid ul-Adha.

ALAMAT ADDRESS

Muzium Matang,
Jabatan Muzium Malaysia,
Kota Ngah Ibrahim, 34750 Matang, Perak.

Tel.: 05 - 8477 970 / 05-8472497
Faks : 05 - 8477 757

1 PENGENALAN INTRODUCTION

Muzium Matang merupakan sebuah muzium in-situ yang mempamerkan kronologi sejarah yang berlaku di dalam bangunan yang pernah menjadi kediaman Ngah Ibrahim, pusat pentadbiran Larut, British dan Jepun. Bangunan muzium pernah dijadikan institut perguruan dan sekolah Melayu didirikan di dalam Kota Ngah Ibrahim berkeluasan lebih kurang dua ekar. Dinding kota yang dibina menggunakan batu-bata yang dilepa lime mortar mempunyai menara kawalan utara dan selatan yang masih kelihatan hingga hari ini. Di dalam kawasan kota berhampiran Muzium Matang juga terdapat makam Allahuhyarham Ngah Ibrahim yang di bawa pulang dari Singapura pada 9 September 2006. Muzium telah dibuka kepada orang ramai pada tahun 1985.

Matang Museum is an in-situ museum showcasing the chronological history of the building that was once the residence of Ngah Ibrahim and Administration Centre for Larut, the British and the Japanese. The building was also turned into a teacher training institute as well as a Malay school and it was built inside the Ngah Ibrahim Fort. The fort's walls were built with lime mortar bricks completed with watch tower in the north and south which are still intact until today. Inside the fort was also the burial site of the late Ngah Ibrahim, whose remains were brought home from Singapore in 9 September 2006. This museum was opened to the public in 1985.



2 KOLEKSI COLLECTION

Muzium Matang mempamerkan lebih kurang 300 koleksi yang terdiri daripada artifak dan bahan kontemporari. Muzium Matang juga memaparkan susur galur keturunan Ngah Ibrahim dan himpunan koleksi peralatan pertanian tradisional yang telah digunakan oleh Si Larut.

The Matang Museum features approximately 300 collections comprising artefacts and contemporary materials. The Matang Museum also features Ngah Ibrahim's genealogical tree and a collection of traditional agricultural implements used by the local people for farming activities.

3 GALERI GALLERY

Galeri aras bawah terbahagi kepada tujuh segmen, iaitu:

- Si Larut
- Pertanian
- Peralatan British
- Perang Larut
- Galeri Jepun
- Perlombongan
- Penjara

Galeri di aras atas pula mempamerkan segmen mahkamah, maktab, pejabat pentadbiran British, serta pejabat dan bilik tidur Ngah Ibrahim yang sebahagianya diperagakan dalam bentuk diorama.

The gallery on the ground floor is divided into seven sections:

- Si Larut
- Agriculture
- British Equipment
- The Larut Wars
- The Japanese Occupation
- The Mining
- The Prison

